

BAB 5 : RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Setelah menjalankan kajian secara menyeluruh terhadap teknik dan kaedah *muhawarah* di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Sekolah Kebangsaan Meru dan Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama, penyelidik melihat sudah sampai masanya teknik *muhawarah* ini dikembangkan ke peringkat yang lebih luas. Bukan hanya berdasarkan kepada isi kandungan buku teks sahaja, bahkan ianya dapat diperkembangkan ke peringkat ko-kurikulum dan aktiviti-aktiviti lain.

Teknik *muhawarah* ini sebenarnya sangat sesuai untuk dijalankan di semua peringkat dan lapangan, bukan sahaja di dalam kelas, malahan diluar kelas juga. Sifatnya yang memerlukan penyertaan individu dan juga berkumpulan, menjadikan aktiviti *muhawarah* ini lebih menarik lagi berbanding dengan teknik-teknik serta kaedah-kaedah yang lain.

Di dalam bab 5 ini, penyelidik cuba untuk merumuskan kajian yang penyelidik jalani sepanjang melakukan tinjauan di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Sekolah Kebangsaan Meru dan Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama.

Selain daripada itu, penyelidik akan mengutarakan Dapatan Kajian dan Kesimpulan Kajian yang diperolehi oleh penyelidik sepanjang menjalankan tugas ini.

Begitu juga penyelidik akan memasukkan elemen penting dalam Bab Penutup ini, iaitu Cadangan Kajian, yang mana penyelidik akan mengutarakan beberapa cadangan-cadangan daripada penyelidik yang penyelidik sifatkan bernas dan sesuai untuk dibuat penambahbaikan kepada kaedah *muhawarah* ini pada masa akan datang.

5.2 Rumusan Kajian

Di dalam tesis penyelidik yang bertajuk “*Pengajaran dan Pembelajaran Muhawarah di Sekolah Rendah Kebangsaan*” ini, beberapa perkara dapat disimpulkan oleh penyelidik, antaranya adalah aktiviti *muhawarah* ini memerlukan penglibatan lebih daripada seorang individu atau murid bagi pelaksanaannya yang lebih efektif.

Semakin banyak watak yang terdapat di dalam aktiviti *muhawarah* tersebut, maka semakin banyak peserta atau murid-murid yang diperlukan untuk menjayakannya. Perkara ini secara tidak langsung menyebabkan ramai murid yang melibatkan diri dalam aktiviti *muhawarah* ini. Ini juga akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas lebih menarik dan komprehensif.

Selain daripada itu, penyelidik merumuskan bahawa aktiviti *muhawarah* ini memerlukan peserta membaca mengikut isi kandungan teks daripada buku teks yang diberikan kepada mereka. Ini bagi memastikan murid-murid mendialogkan *muhawarah* tersebut mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh silibus pembelajaran mereka.

Menurut pandangan penyelidik, silibus atau rancangan pengajaran tahunan yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) adalah sangat bersesuaian dengan tahap pemikiran dan pencapaian kognitif murid-murid tahun enam ini. Perkara ini pada dasarnya telah dikaji oleh pihak kementerian secara lebih mendalam sebelum disebar luaskan kepada sekolah-sekolah kerajaan yang lain.

Begitu juga kaedah serta teknik *muhawarah* ini amat memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar daripada guru dalam pelaksanaannya. Hal ini kerana, teknik *muhawarah* ini memerlukan lebih daripada dua orang murid untuk merealisasikannya. Tanpa bimbingan guru, sudah pasti murid-murid itu tadi tidak tahu bagaimana untuk melaksanakan aktiviti *muhawarah* tersebut. Dengan bantuan dan bimbingan guru jugalah murid-murid mengetahui watak yang mana satu yang harus mereka dialogkan pada *muhawarah* tersebut.

Selain daripada itu, perkara yang dapat penyelidik rumuskan di sini ialah, aktiviti *muhawarah* ini tidak akan tercapai tanpa disiplin yang tinggi di kalangan murid-murid. Hanya murid-murid yang mempunyai disiplin yang tinggi sahaja dapat melakukan aktiviti *muhawarah* ini dengan baik dan berkesan.

Sebagai contoh mudah, murid-murid yang mempunyai disiplin yang tinggi akan patuh kepada arahan gurunya serta akan melakukan aktiviti *muhawarah* dengan bersungguh-sungguh tanpa ada rasa sikap acuh tidak acuh. Perkara seperti inilah yang akan menentukan samada teknik *muhawarah* ini berjaya atau tidak pada pelaksanaannya.

Begitu juga aktiviti atau kaedah *muhawarah* ini mempunyai banyak kelebihan-kelebihannya berbanding kelemahannya. Ini dapat dilihat melalui Bab 4 : Dapatan Kajian, yang mana murid-murid melalui kaedah teknik *muhawarah* telah dapat menikmati faedahnya, seperti pemahaman yang baik dalam pembelajaran, mendapat rentasan ilmu serta dapat membina keyakinan diri yang tinggi.

Bahkan bukan hanya murid-murid yang mendapat faedahnya, malahan guru juga yang mengajar Bahasa Arab menikmati faedah dan kelebihan seperti murid-murid. Penyelidik memperkatakan demikian kerana, dengan teknik *muhawarah* ini, ianya membantu cara atau sistem pengajaran dan penyampaian guru berkenaan topik yang diajar kepada murid-murid mereka.

Sepertimana rumusan kajian sebelum ini, penyelidik telah mendapatkan dan menghasilkan dapatan kajian daripada metodologi atau kaedah yang digunakan oleh penyelidik. Melalui kajian ini, penyelidik telah membahagikan beberapa dapatan kajian penyelidik kepada beberapa bahagian.

Antara bahagian tersebut adalah, strategi pengajaran *muhawarah* oleh guru-guru Bahasa Arab di Sekolah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Sekolah Kebangsaan Meru dan Sekolah Kebangsaan Taman Klang Utama. Melalui tinjauan oleh penyelidik, guru-guru Bahasa Arab di tiga buah sekolah yang disebutkan tadi telah melakukan pendekatan yang pelbagai dalam menjalankan teknik *muhawarah* ini.

Antara contoh pendekatan yang dibuat oleh guru bahasa Arab ini adalah, melalui konsep pertandingan. Hal ini merupakan suatu pendekatan yang sangat kreatif dan efektif dimana guru akan mewujudkan satu semangat untuk berlumba-lumba dan kompetitif dalam membuat penyampaian *muhawarah* yang paling baik. Melalui tinjauan penyelidik, ramai dikalangan murid-murid ini yang ingin mengambil bahagian dalam penyampaian *muhawarah* ini setelah dirangsang oleh guru mereka. Hal ini juga merupakan faktor mengapa mereka ingin membuat persembahan terbaik dalam pembentangan dan penyampaian *muhawarah* mereka.

Selain daripada konsep pertandingan ini, penyelidik juga melihat ada dikalangan guru yang melaksanakan aktiviti *muhawarah* dengan cara baca beramai-ramai antara murid-murid lelaki dan murid-murid perempuan. Begitupun terdapat juga guru yang memilih secara terus murid-murid yang dikategorikan mampu menyampaikan *muhawarah* dengan baik, untuk membacakan *muhawarah* tersebut dihadapan murid-murid yang lain.

Dalam dapatan kajian tesis ini juga, penyelidik mengkaji tentang bagaimana strategi yang digunakan oleh murid-murid dalam menerima teknik *muhawarah* yang dibawa oleh guru-guru mereka. Melalui tinjauan yang dijalankan oleh penyelidik, murid-murid ini didapati merujuk kepada buku teks yang dibekalkan kepada mereka oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia.

Sebagai makluman, buku-buku teks, khususnya buku teks Bahasa Arab yang dibekalkan oleh pihak kementerian, adalah sama dan *standard* di semua sekolah-

sekolah bantuan penuh kerajaan. Ini juga termasuk dengan buku teks Bahasa Arab tahun enam, dimana kesemua silibus dan topik adalah sama di semua sekolah rendah kebangsaan di seluruh negara.

Dengan cara ataupun strategi murid-murid merujuk buku teks ini, sebenarnya menjadikan teknik *muhawarah* ini dapat dilaksanakan dengan cara yang lebih efektif lagi. Perkara ini adalah disebabkan, dengan merujuk buku teks, murid-murid dapat mengikuti kehendak silibus pembelajaran dengan teratur. Ini termasuklah pembelajaran topik-topik yang mempunyai kaedah *muhawarah*.

Selain daripada itu, penggunaan istilah-istilah kelas, atau *lughatul fasl* juga dilihat sangat membantu dalam menyediakan tumpuan murid-murid sebelum dan semasa berlangsungnya aktiviti *muhawarah* di dalam kelas. Sebagai contoh, soalan-soalan mudah seperti *صَبَّاحَ الْخَيْرِ، مَسَاءَ الْخَيْرِ، كَيْفَ حَالُكُمْ* dapat merangsang minda murid-murid supaya menumpukan sepenuh perhatian kepada pengajaran guru.

Apa yang penyelidik dapat simpulkan di sini ialah, kaedah *muhawarah* ini merupakan kaedah yang sangat sesuai dan relevan untuk diguna pakai bagi sebarang aktiviti yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran, khususnya subjek Bahasa Arab.

Kaedah *muhawarah* ini merupakan juga suatu kaedah yang sangat praktikal dan tidak memerlukan sebarang kos dalam menjalankan aktiviti ini. Pada pandangan penyelidik, seharusnya banyak lagi kajian-kajian atau penyelidikan-penyelidikan yang

perlu dibangunkan bagi mengkaji secara lebih mendalam tentang kaedah *muhawarah* ini.

Hal ini disebabkan, kaedah dan teknik *muhawarah* ini sangat berpotensi untuk dikembangkan dalam dunia pendidikan kerana ianya sangat membantu murid-murid dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran mereka.

Selain daripada itu, kaedah ini secara tidak langsung melatih murid-murid ini untuk berucap di khayalak ramai (*public speaking*). Ianya juga dilihat mampu melahirkan modal insan yang berkualiti seperti mana yang dilaungkan oleh pihak kerajaan selama ini.

Hasil daripada kajian "*Pengajaran dan Pembelajaran Muhawarah di Sekolah Rendah Kebangsaan*" ini juga, penyelidik dapat simpulkan bahawa aktiviti yang menggunakan kaedah *muhawarah* sebenarnya memberikan keseronokan yang tersendiri kepada murid-murid tahun enam. Ini dapat diamati apabila murid-murid ini menyertai pembentangan *muhawarah* ini dengan perasaan gembira dan seronok. Tidak kurang ada diantara mereka yang ingin membuat penyampaian *muhawarah* berkali-kali. Ringkasnya, teknik *muhawarah* ini hakikatnya banyak memberikan sumbangan dan manfaat kepada banyak pihak, samada guru-guru atau murid-murid.

5.3 Cadangan Kajian

Dalam sub topik cadangan kajian ini, ada beberapa perkara yang ingin dicadangkan oleh penyelidik, yang mana cadangan-cadangan ini adalah dianggap dapat membantu memperkemaskan kaedah *muhawarah* pada masa akan datang. Berikut merupakan cadangan-cadangan oleh penyelidik :

5.3.1 Guru perlu memahirkan diri dalam melaksanakan kaedah *muhawarah*.

Untuk melaksanakan teknik *muhawarah*, sayugia bagi seseorang guru, memahirkan diri terlebih dahulu dengan teknik ini. Hal ini kerana, dengan kemahiran yang tinggi, sesebuah *muhawarah* itu dapat dijalankan dengan lebih baik dan berkesan.

Dari sisi murid-murid, mereka akan menjangkakan bahawa guru-guru, khususnya guru bahasa Arab mahir dan arif dengan semua teknik-teknik yang digunakan, termasuklah teknik *muhawarah*. Oleh sebab itulah, guru-guru yang mengajar bahasa Arab perlu memahirkan diri dengan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran yang sedia ada pada masa kini.

Bukan sahaja kaedah *muhawarah*, bahkan teknik-teknik lain juga, seperti teknik drama, latih tubi, sumbangsaran, simulasi dan sebagainya. Perkara ini adalah bagi mendatangkan keseronokan dan *mood* murid-murid semasa proses pembelajaran berlangsung. Dengan adanya perasaan seronok belajar dikalangan murid-murid ini,

maka proses pengajaran dan pembelajaran murid-murid ini akan menjadi lebih mudah lagi.

5.3.2 Jumlah peruntukan masa yang lebih banyak

Jika kita merujuk kepada peruntukan masa yang diberikan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mata pelajaran bahasa Arab, ianya hanya memperuntukkan sebanyak dua masa sahaja, iaitu sebanyak sejam seminggu.

Bagi pandangan peribadi penyelidik, tempoh sejam seminggu untuk mempelajari bahasa asing seperti bahasa Arab adalah tidak sesuai sama sekali. Ini kerana, apabila seseorang murid atau individu itu ingin mempelajari sesuatu bahasa asing, ia memerlukan jumlah masa yang banyak bagi menyesuaikan dan mendalami diri dengan bahasa asing tersebut.

Begitu juga perihalnya dengan peruntukan masa untuk mata pelajaran bahasa Arab ini. Seharusnya pihak kementerian perlu mengkaji semula jumlah masa yang sedia ada ini. Tempoh sejam seminggu pada pendapat penyelidik adalah tidak relevan sama sekali. Penyelidik mencadangkan pihak kementerian menambahkan sebanyak satu masa lagi, menjadikan jumlah masa peruntukan bagi mata pelajaran Bahasa Arab adalah sebanyak tiga masa, iaitu selama satu jam tiga puluh minit seminggu bagi murid-murid sekolah rendah.

Apabila peruntukan masa ini ditambah kepada tiga masa, penyelidik yakin bahawa murid-murid di sekolah rendah kebangsaan ini dapat mempelajari bahasa Arab dengan lebih baik dan mendalam lagi, berbanding hanya dengan dua masa sahaja seperti sebelum ini.

5.3.3 Kaedah *muhawarah* perlu sentuhan audio visual

Kaedah *muhawarah* ini sebenarnya tidak terhad hanya kepada penggunaan dialog lisan sahaja. Bahkan ia boleh dikreatifkan dengan penggunaan bahan-bahan audio visual seperti dvd, vcd atau penggunaan internet.

Guru-guru boleh mencari sebarang bentuk video cd yang terdapat dipasaran, yang mempunyai pendekatan pengajaran dengan menggunakan teknik *muhawarah* ini. Pada hari ini, banyak dvd dan vcd yang berteraskan pendidikan, dijual dipasaran untuk membantu pembelajaran murid-murid di sekolah-sekolah.

Apabila guru-guru ini menggunakan pendekatan audio visual dalam teknik *muhawarah*, penyelidik amat yakin bahawa murid-murid ini akan tertarik untuk mengikuti pengajaran oleh guru mereka. Hal ini kerana, dunia globalisasi pada hari ini menyebabkan murid-murid di sekolah rendah terdedah dengan kemajuan sains dan teknologi yang sentiasa berubah saban hari.

Dengan kecanggihan teknologi maklumat pada hari ini, guru-guru tidak seharusnya berasa risau jika tidak mempunyai bahan seperti vcd atau dvd yang mempunyai aktiviti *muhawarah*. Mereka boleh memuat turun (*download*) bahan *muhawarah* daripada internet.

Guru-guru juga boleh merakamkan aktiviti *muhawarah* ini dengan melibatkan beberapa orang murid. Hasil daripada rakaman tersebut, boleh disebar luaskan ke kelas-kelas yang lain. Perkara ini juga sebenarnya terkandung di dalam *Elemen Merentas Kurikulum* di dalam *Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)* yang mana terdapatnya elemen *Teknologi Maklumat dan Inovasi*.

5.3.4 Penumpuan kepada murid-murid yang lemah

Melalui sub topik cadangan kajian ini, penyelidik juga ingin mencadangkan kepada guru-guru yang menggunakan kaedah *muhawarah* ini, bahawa penumpuan juga harus diberikan kepada murid-murid yang lemah serta kurang berkeyakinan untuk ke hadapan.

Melalui tinjauan dan pemantauan penyelidik, kaedah *muhawarah* ini secara keseluruhannya hanya dimonopoli oleh murid-murid yang cerdik dan berani sahaja. Apabila guru menawarkan kepada murid-murid untuk menyampaikan dan mendialogkan *muhawarah*, hanya murid-murid dari kelompok ini sahaja yang ingin

mengambil bahagian. Manakala murid-murid dari kelompok lemah tidak menawarkan diri untuk mengambil bahagian.

Justeru, penyelidik mencadangkan agar teknik muhawarah ini juga harus ditumpukan kepada murid-murid yang lemah. Ini bagi memastika semua murid-murid dapat mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti pembelajaran yang melibatkan muhawarah.

Penyelidik sangat yakin dengan penumpuan yang seimbang kepada murid-murid dari kelompok lemah ini, ianya akan membantu mereka memahami isi kandungan topik yang dipelajari tersebut. Tambahan lagi, ianya akan mendidik diri murid-murid tersebut untuk bersikap lebih berani dan yakin diri untuk bercakap dihadapan murid-murid yang lain.

Apabila perkara ini tercapai, ini bermakna Falsafah Pendidikan Negara yang ingin melahirkan murid-murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek juga akan tercapai pada masa-masa akan datang.

5.3.5 Kajian yang mendalam tentang kaedah *muhawarah*

Sebagai penyelidik yang mengkaji peranan dan efektif teknik *muhawarah* ini ke atas pengajaran dan pembelajaran murid-murid, penyelidik berpendapat perlunya di

sana kajian-kajian dan penyelidikan-penyelidikan yang lebih mendalam tentang kaedah *muhawarah* ini.

Hal ini kerana, dengan kajian dan penyelidikan yang lebih mendalam ini, dapat memastikan kaedah *muhawarah* ini dapat berkembang dengan lebih baik pada masa akan datang. Dunia pendidikan yang cepat berubah ini menuntut kepada kajian-kajian berkenaan teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran yang dapat memberkan kesan dan implikasi yang baik ke atas pembelajaran murid-murid.

Pihak kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia juga seharusnya memberikan lebih ruang dan peluang kepada penyelidik-penyelidik yang ingin membuat kajian berkenaan teknik pengajaran dan pembelajaran ini. Sumbangan-sumbangan berbentuk biasiswa atau geran boleh disalurkan oleh pihak kerajaan kepada penyelidik-penyelidik ini dalam merealisasikan hasrat pihak kerajaan memastikan tahap pendidikan negara setaraf dengan tahap pendidikan global.

Pihak kementerian juga disaran untuk mengambil tumpuan yang serius ke atas kajian-kajian yang dihasilkan ini sebagai sumber rujukan pada masa-masa akan datang. Dengan adanya kajian dan penyelidikan yang banyak serta berkualiti, penyelidik yakin, pelbagai teknik pengajaran, bukan sahaja teknik *muhawarah*, akan dihasilkan lebih banyak lagi pada masa-masa akan datang, seiring dengan perubahan-perubahan dunia pendidikan samada di peringkat nasional mahupun antara bangsa.

5.4 Penutup

Sebagai penutup bagi bab ini, penyelidik sekali lagi ingin menekankan bahawa kaedah *muhawarah* ini sebenarnya sangat memberikan kesan kepada cara pembelajaran murid-murid. Walaupun begitu, penyelidik tidak menafikan keberkesanan teknik-teknik yang lain. Penyelidik juga tidak menolak kebenaran bahawa teknik-teknik lain juga sebenarnya banyak membantu pemahaman murid-murid ke atas pembelajaran mereka.

Maka oleh sebab itulah, dalam bab penutup ini, penyelidik ada mencadangkan beberapa cadangan kepada pihak-pihak yang berkaitan seperti pihak Kementerian Pelajaran Malaysia untuk diberi perhatian yang sewajarnya. Dengan merealisasikan cadangan-cadangan ini, penyelidik yakin bahawa teknik ini akan berada di tahap yang lebih baik lagi pada masa-masa akan datang.

Rumusan serta dapatan kajian oleh penyelidik juga mendapati bahawa teknik ini secara tidak keterlaluan dikatakan antara teknik serta kaedah yang diminati oleh guru-guru dan murid-murid dalam menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Ini dapat dilihat dengan jumlah penyertaan murid-murid yang sangat memberangsangkan semasa mengambil bahagian dalam pembentangan *muhawarah* masing-masing.

Maka oleh sebab itulah, teknik ini seharusnya menjadi antara teknik yang digunakan dalam menyampaikan pengajaran kepada murid-murid di sekolah rendah kebangsaan disamping teknik-teknik serta kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada pada masa kini.